

25 MAR 1997

Annuar-Taman Raya

TAMAN RAYA MEMBELI BELAH TERBESAR DUNIA DI LANGKAWI

SHAH ALAM, 25 Mac (Bernama) -- Sebuah kompleks membeli belah berkonsepkan "Taman Raya" yang dianggap antara yang terbesar di dunia, akan dibina di Langkawi bagi menjadikan pulau bebas cukai itu benar-benar sebuah pusat beli-belah bertaraf antarabangsa.

Yang menariknya, projek taman raya membeli-belah itu akan mengubah nasib 69 peneroka tanah Felcra di pulau itu, yang kini berpendapatan kira-kira RM500 sebulan, menjadi anggota baru kelas menengah Melayu dengan pendapatan antara RM8,000 dan RM9,000 sebulan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata ini kerana taman raya membeli-belah itu akan didirikan di atas tanah milik mereka yang seluas 160 hektar tanpa mereka kehilangan hak milik kerana ia dijalankan secara sewaan.

"Pada mulanya akan ada 1,000 kedai di situ yang akan dibina berupa rumah-rumah butik yang bersambung antara satu sama lain dengan laluan pejalan kaki dalam suasana alam sekitar tropika yang dikekalkan," katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

Sebelum itu beliau mengadakan perjumpaan hampir dua jam dengan 1,200 pemimpin peserta Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (Felcra) di sini bagi menjelaskan keputusan kerajaan pada 29 Jan untuk mengkorporatkan Felcra mulai 1 Sept.

Annuar berkata kedai-kedai di situ akan menawarkan pelbagai barangan berjenama yang terjamin asli daripada 2,000 jenama terkemuka dunia selain barangan tempatan.

"Kajian awal mendapati kita boleh menawarkan kadar sewa yang rendah antara RM5 dengan RM6 sekaki persegi di situ yang jauh lebih murah daripada di mana-mana bandar di negara ini," katanya sambil menambah bahawa usaha sudah dijalankan untuk membawa jenama masyhur dunia ke situ.

Beliau berkata perancangan bagi kompleks itu yang dianggar menelan belanja RM150 juta kini di peringkat akhir dan setelah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa terlibat beliau akan memberikan taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, usaha itu yang akan mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan dirancang dapat dilaksanakan fasa pertamanya dalam tempoh dua tahun lagi dan setelah Felcra dikorporatkan menjadi Syarikat Felcra Berhad untuk mengambil alih semua fungsi, aset dan tanggungan Felcra secara keseluruhannya.

Mengenai langkah pengkorporatan itu, beliau berkata kementeriannya akan membawa dua akta, Akta Pembubaran dan Akta Syarikat Pengganti Felcra, ke persidangan Parlimen penggal ketiga ini manakala syarat dan pilihan perkhidmatan akan diberikan kepada semua kakitangan tidak lama lagi.

Annuar berkata Felcra Berhad akan memulakan operasi dengan modal dibenar RM1,000 juta dan modal berbayar RM712 juta dengan rancangan perniagaan lima tahunnya sudah diperakukan oleh Jemaah Menteri.

Katanya, bagi membolehkan Felcra Berhad melaksanakan operasinya dengan lancar, kerajaan bersetuju memberikan suntikan modal RM56.36 juta, meneruskan pinjaman RM255 juta bagi membiayai projek sambungan pembangunan tanah dan peruntukan RM48 juta untuk tempoh lima tahun bagi pembinaan jalan.

Beliau berkata Felcra akan meneruskan pemulihan dan penyatuan tanah seluas 150,000 hektar dan menyusun semula 50 buah kampung tradisional serta menyerap rakyat termiskin sebagai pemegang sahamnya untuk tempoh lima tahun

akan datang.

Felcra Berhad tidak hanya akan terlibat dengan pertanian, malah menerokai bidang-bidang baru yang berpotensi seperti hartanah.

"Felcra telah memulakan usaha pembangunan semula di beberapa projek sedia ada dengan pembangunan bercampur mengikut kesesuaian lokasinya," katanya.

Sejak penubuhannya 31 tahun lepas, Felcra mengendalikan 1,688 projek dengan keluasan 260,000 hektar tanah terbiar yang telah diperladangkan melibatkan 55,000 peserta. -- BERNAMA

MNY NMO